

Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia

[The Relationship of Morals and Akidah to The Formation of Muslims in Malaysia]

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 101-111
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 9 Jun 2022
Accepted: 9 October 2022
Published: 16 November 2022

Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita¹ & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: drkuzaki@unisza.edu.my

* Corresponding Author: drkuzaki@unisza.edu.my

Abstrak

Akidah dan akhlak merupakan dua komponen penting yang menjamin pembentukan seseorang Muslim untuk membina peribadi unggul. Akidah yang benar juga akan menatijahkan akhlak terpuji jika mengikut acuan Islam yang sebenar. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang dihadapi oleh masyarakat seperti keruntuhan akhlak, jenayah, rasuah dan lain-lain. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan hubungan akidah menurut Islam serta menjelaskan kesannya terhadap pembentukan individu, masyarakat dan negara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan metode kajian menggunakan analisis kandungan dan analisis dokumen dengan membuat penelitian kajian lepas terhadap isu-isu yang berkaitan akidah dan akhlak. Hasil kajian mendapati hubungan akidah dan akhlak adalah signifikan dan ia menyumbang impak terhadap individu Muslim dalam membahaskan pembentukan sifat-sifat mahmudah dan mazmumah.

Kata kunci: Akidah, Akhlak, Individu, Muslim, Malaysia.

Abstract

Akidah and morals are two vital factors that ensure a Muslim is trained to have a great personality. If a belief system follows to the real Islamic teaching, it will also establish good values. However, the society still has issues such moral degradation, crime, corruption, and others. This study attempts to clarify the relationship between Islamic belief and its impact on the development of people, communities, and states. By reviewing earlier findings on topics connected to faith and morals, this study employs a qualitative research methodology that uses content analysis and document analysis. Based on the study's findings, there is a significant correlation between religion and morality, and this relation does have an impact on how Muslims develop their mahmudah and mazmumah traits.

Keywords: Akidah, Morals, Individuals, Muslims, Malaysia.

Cite This Article:

Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita¹ & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2022). Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia [The Relationship of Morals and Akidah to The Formation of Muslims in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 101-111.

Pengenalan

Islam adalah agama yang ajarannya diwahyukan Allah S.W.T kepada manusia melalui nabi Muhammad saw sebagai Rasul. Ajaran Islam menyentuh aspek akidah, ibadah, muamalah (syariah) dan akhlak sebagai panduan terhadap manusia dalam menjalani kehidupannya. Di Malaysia, pelbagai kaedah yang dijalankan dalam sistem pendidikan untuk mendidik rohani dan jasmani anak bangsa (Sarinah et.al, 2019). Menurut Ahmad (2008) kaedah pembangunan rohani yang diterapkan dalam kurikulum menyumbang kepada kemantapan rohani, keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. (Saharia, 2015). Selain itu, pembentukan individu Muslim di Malaysia juga mempunyai kaitan yang rapat dengan akidah dan akhlak yang menjadikan al-Quran dan as sunnah sebagai panduan dan pedoman.

Pengertian Akhlak dalam Islam

Akhlak berasal dari bahasa Arab dari kata *khuluk* yang bermaksud tingkah laku, tabiat atau perangai. Secara istilah, akhlak adalah sifat yang tercermin dari perilaku orang tersebut. Akhlak telah disebutkan dalam surah Shad ayat 46:

إِنَّا أَخْلَصْنَاهُمْ بِخَالِصَةٍ ذِكْرَى الدَّارِ

Ertinya: " Sesungguhnya Kami telah menyucikan mereka dengan (menganugerahkan kepada mereka) akhlak yang tinggi iaitu selalu mengingatkan (manusia) kepada negeri akhirat."

Akhlak sangat penting dalam Islam, sehingga setiap aspek dari ajaran agama ini selalu berkait rapat dengan pembentukan dan pembinaan akhlak yang mulia (Hasbullah et.al, 2020). Akidah dan akhlak adalah nilai Islam yang perlu diterapkan dan diajari kepada seseorang yang berusia muda bahkan sejak kecil (Mira Shodiqoh&Fashi Hatul, 2020). Hal ini dapat dilihat jika seseorang memiliki akidah yang mantap serta baik akhlaknya sesungguhnya itulah kesan akidah yang sangat signifikan dengan akhlak seseorang. Sebagaimana hadis riwayat Imam Ahmad, no. 7406, Rasulullah SAW bersabda: Mukmin yang sempurna imannya ialah yang terbaik akhlaknya (Suhid, 2017).

Sebagai manusia yang berusaha membentuk keyakinan terhadap keesaan dan memahami tugas sebagai seorang hamba dalam pengabdian diri terhadap Allah S.W.T, pendidikan akidah menjadi satu kewajiban kepadanya (Lestari D, 2020). Oleh yang demikian, pengamalan dan keperluan mempelajari asas akidah sangat dititikberatkan dalam melahirkan individu Muslim yang benar dan jelas dalam beragama (Siti Nur Aisyah & Sarinah Yahya, 2019).

Mutakhir ini, hubungan sosial yang makin meluas menyebabkan masalah berkaitan dengan akidah umat Islam semakin meningkat. Buktinya hari ini masalah akhlak seperti ajaran songsang, keruntuhan akhlak (Siti Aisyah & Latifah Majid, 2017) dan gejala sosial (Zaharah Hussin et.al, 2015) serta terlibat dengan unsur penyelewengan agama Islam (Nurul Husna Pidrus et.al, 2022). Impak daripada fenomena ini juga menyebabkan nilai akhlak orang Islam

semakin merosot. Sungguhpun tidak melibatkan keseluruhan orang Islam, akan tetapi keruntuhan akhlak telah mencalar imej Islam yang sebenar (Mohamed Radzi Musa et.al, 2021). Tuntasnya, akhlak mulia merupakan tunggak kekuatan masyarakat dan negara. Oleh itu setiap individu wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah apa sahaja gejala kerosakan akhlak dalam masyarakat. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara, di dunia dan di akhirat.

Isu dalam pembentukan peribadi muslim juga berkait juga dengan peranan ibubapa dalam memberikan pendidikan dan kefahaman akidah kepada anak-anaknya sejak kecil lagi. Jika tanpa bimbingan dan didikan yang sempurna, seseorang itu hidupnya akan terumbang-ambing dan berada di dalam kejahilan. Penerapan agama Islam sebagai *ad-Deen* atau *way of life* amat menekankan kepada pendidikan akhlak. Begitu juga dengan usaha membina dan membentuk generasi muda terbaik adalah tanggungjawab sesebuah negara (Baharom Mohamad&Mohamad Johdi (2009). Hal ini demi memastikan generasi muda yang akan menjadi pelapis dan tunjang kepimpinan negara mengutamakan kepentingan nilai akidah dan akhlak dalam kehidupannya.

Ini menunjukkan pengaruh persekitaran sosial dan pendidikan ibu bapa mampu mempengaruhi perubahan akhlak anak muda pada masa kini. Ini adalah kerana ilmu akidah yang benar yang terpamer dalam diri setiap Muslim dapat mempengaruhi akhlak remaja pada masa kini. Terdapat banyak faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah anak-anak muda masa kini contohnya media sosial yang tidak memberi manfaat atau ilmu malah merosakkan dan melemahkan perkembangan minda dan kemahiran dalam masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan tinjauan literatur dengan menilai beberapa kertas kerja terdahulu tentang cabaran dalam pembentukan peribadi Muslim di Malaysia dan mencari jurang daripada kertas kerja ini. *Google Scholar* telah digunakan untuk mencari akses terbuka jurnal. Kajian ini juga melibatkan pengambilan data melalui kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kaedah ini dipilih memandangkan ianya merupakan pendekatan terbaik bagi mendapatkan sorotan ke atas kajian akidah dan akhlak. Di samping itu, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan untuk melihat kepada cabaran dalam hubungan akhlak dan akidah yang menyumbang impak terhadap individu Muslim.

Kajian Lepas

Kajian Wan et.al (2022) ini berpendapat pelbagai pihak perlu memberi perhatian dan bekerjasama untuk mengurangkan isu ini demi melahirkan remaja yang bebas dari permasalahan akhlak. Ini adalah kerana keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa kini semakin meningkat. Menurut statistik dan data terkini, isu ini telah meningkat 8.5%, atau 2.3 juta, dari 2021 hingga 2022. Kebanyakan mereka terlibat dalam kelakuan dalam talian yang tidak selamat atau tidak bermoral seperti *sexting* (Siti Nasarah, 2022).

Cabaran perkembangan dunia digital hari ini telah dijelaskan oleh Shamilatul & A'dawiyah (2022) dalam kajiannya bahawa pada zaman era digital ini keruntuhan akidah dan akhlak menjadi satu dugaan dan cabaran rentetan daripada perkembangan dunia digital tanpa batasan. Fenomena ini berlaku akibat daripada pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya terjebak dengan perkara-perkara negatif seperti budaya lepak dan sebagainya (Rohana, 2016).

Berdasarkan hasil daripada kajian Mohamed et.al (2013) mendapati pelajar tidak memahami dengan jelas terutamanya perkara paling asas iaitu tentang jumlah rukun iman. Rukun iman merupakan asas akidah seseorang beragama Islam. Penekanan kepada rukun iman menjadi aspek yang penting dalam pembelajaran akidah Islam kerana ia adalah dasar dan tunjang dalam pendidikan keseluruhannya. Remaja Muslim yang benar-benar beriman semestinya mengamalkan suruhan agama dan berakhlak dengan akhlak al-Quran (Sarinah et.al, 2019). Kajian Asmawati (2017) mendapati pendidikan adalah medium terpenting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai nilai kerohanian dan moral yang kukuh serta perkembangan rohani dan intelek individu Muslim.

Mohammad et.al (2022) dalam kajiannya merumuskan bahawa kecanggihan teknologi telah menggalakkan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat dan berperanan menghubungkan pengguna agar memudahkan mereka saling berinteraksi walaupun berada di kejauhan. Namun, sistem media sosial yang bebas juga membawa kerosakan penyalahgunaannya serta menyebabkan berlakunya masalah sosial yang telah dibuktikan melalui penemuan banyak kajian yang berkaitan dengannya (Azaian et.al, 2017). Dalam membentuk akhlak belia dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup dalam kehidupan mereka pada hari ini membuktikan bahawa pendidikan di sekolah sahaja tidak mencukupi dalam membentuk akhlak seseorang Muslim (Rohana Tan & Norhasni Zainal Abidin, 2016).

Walau bagaimanapun, kajian Nurul Ainee et. al (2022) membuktikan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada pendidikan. Cabaran sistem pendidikan negara menyumbang kepada faktor-faktor gejala-gejala sosial yang wujud sukar diatasi kerana ketidakupayaan sesetengah guru dalam membentuk diri mereka selaku pembimbing dan role model kepada pelajar. Dalam membina kualiti remaja, pendidikan berdasarkan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam dapat membentuk sifat-sifat mahmudah iaitu menyucikan hati dan menjauhi sifat-sifat yang tercela (Aizan & Murni, 2017). Bahkan pendidikan yang baik menjadi asas dalam aktiviti kehidupan, sama ada yang berkaitan dengan kehidupan peribadi, masyarakat atau negara (Mohamed et.al, 2013). Seajar dengan itu, golongan belia merupakan aset yang terpenting dalam menentukan kemajuan sesebuah negara.

Kajian oleh Abdul Rahman & Mat Nayan (2020) menekankan bahawa punca sebenar kepada kelemahan jasmani dan rohani seseorang adalah kerana keruntuhan nilai akidah dalam diri seseorang serta menjadi kerosakan kepada kesejahteraan diri dan masyarakat (Wazir et.al, 2020). Sementara itu, penekanan terhadap isu akhlak sangatlah wajar ia merupakan salah satu isu sangat membimbangkan. Kajian-kajian lepas membuktikan pelbagai masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia pada hari ini contohnya dikaitkan dengan pelbagai masalah jenayah dan keruntuhan akhlak (Siti Aisyah & Latifah, 2017).

Seterusnya integriti sangat penting dalam pembentukan nilai dalam diri yang selari dengan sifat kepercayaan, kejujuran, keimanan, kepercayaan yang kuat, pematuhan ketat

terhadap peraturan Islam dan adab-adab yang mulia. Secara kesimpulannya, pembentukan akhlak seseorang bergantung kepada bagaimana ia dibentuk atau dididik seterusnya terbentuknya nilai-nilai kerohanian dalam diri seseorang daripada pemahaman mereka dalam mempelajarinya berlandaskan Al-Quran Dan Al-Sunnah (Ghazi, 2016). Oleh yang demikian, strategi pencegahan dan diberi perhatian oleh pihak sewajarnya supaya elemen penghayatan akidah dapat diperkasakan (Wazir et.al, 2020).

Selain itu, hasil kajian Norsahida Sakira et.al (2021), antara salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah media massa. Bahan hiburan selalunya diperolehi sama ada melalui Internet, televisyen, majalah hiburan juga radio. Kesan negatif media massa juga memberi kesan dalam aspek agama dan seterusnya aspek bidang politik, ekonomi dan sosial. Dalam menghadapi situasi ini, umat Islam harulah membebaskan diri dari cengkaman penjajahan pemikiran ini agar dapat bangkit semula untuk menguasai dunia.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapat disimpulkan bahawa individu Muslim menghadapi banyak masalah berkaitan dengan akhlak bermula daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah ke peringkat dewasa. Hal ini boleh menghalang mereka dari berakhlak dengan sifat-sifat mahmudah. Masalah yang ditemui adalah berpunca daripada persekitaran, keluarga dan juga sistem pendidikan. Oleh kerana itu, untuk menangani cabaran ini ilmu akidah Islam perlu digarapkan dengan lebih jitu lagi dalam setiap masyarakat Islam.

Kesan Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia

Hubungan akhlak dan akidah berperanan penting dalam kehidupan masyarakat kerana akhlak yang baik itu ditegakkan di atas dasar buat perkara yang baik dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah S.W.T. Manakala akhlak yang buruk ialah penyakit hati yang dapat menghalang manusia dari mencapai keberkatan Allah S.W.T, ketenangan dan ketenteraman sama ada di dunia ini seterusnya di akhirat nanti. Kesan daripada faktor yang menyumbang kepada masalah sosial pada hari ini sebenarnya memberi kesan yang baik dan buruk kepada masyarakat khususnya individu, masyarakat dan negara.

1. Kesan Kepada Individu

Realiti semasa menunjukkan terdapat jurang di antara akidah dan kepentingan akhlak dalam pembentukan individu Muslim di dalam sesebuah masyarakat. Pihak berwajib hendaklah peka terhadap punca-punca kemerosotan akhlak dan pentingnya peranan pendidikan di dalam membentuk generasi yang berakhlak. Bagi memastikan kelancaran dalam aspek pendidikan, usaha-usaha yang dilakukan perlulah selari dengan pembangunan negara. Antara individu yang berperanan penting dalam pembentukan nilai akhlak dalam sesebuah negara adalah ibu bapa.

Selain itu, jika pengajian akidah dan akhlak tidak diberikan penekanan dalam pendidikan anak-anak, mereka akan mudah terikut dengan ideologi moden yang semakin rancak dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Kesannya daripadanya akan menyebabkan akidah menjadi longgar (Nasroon, 2019). Oleh itu, ibubapa perlu memperkasakan pengisian rohani untuk menjaga akidah dan akhlak anak-anak. Jika individu Muslim itu melazimi serta melaksanakan akhlak mulia sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Quran al-Karim, maka akan lahir perasaan lemah lembut, hormat menghormati sesama manusia serta akan terhindar sikap suka menyakiti orang lain (Asming & Farid, 2017). Sebagai seorang individu Muslim, sewajarnya kita menjauhi akhlak mazmumah. Hal ini kerana akhlak ini sangat dibenci oleh Allah S.W.T.

2. Kesan Kepada Masyarakat

Sesuatu konflik berlaku apabila seseorang yang mempunyai masalah sosial tersebut tidak diterima oleh masyarakat. Seseorang itu akan dicaci dan dihukum maka berlakunya ketegangan dan hubungan silaturahim mula merenggang. masyarakat haruslah menerapkan nilai-nilai murni yang menjurus kepada perpaduan ummah kerana nilai-nilai ini merupakan antara pegangan akidah sebagai panduan umat Islam yang seharusnya menyatukan masyarakat Islam sendiri, juga perhubungan dengan masyarakat atau kaum lain di Malaysia melalui konsep perpaduan ummah dalam Islam (Tasnim et.al, 2019). Tuntasnya tugas untuk memelihara akidah dan akhlak bukan semata-mata fardu ain ke atas individu, malah juga adalah fardu kifayah yang turut melibatkan masyarakat.

Ajaran Islam adalah peraturan yang mengatur kehidupan manusia dengan perintah dan larangan tertentu (Sulong, 2016). Oleh itu akan terbentuklah, nilai Islam yang membina semangat setia kawan sesama rakyat Malaysia. Tuntasnya ia adalah hasil daripada hubungan akidah dan akhlak yang mantap. Antara cara-cara untuk menguatkan hubungan akidah dan akhlak adalah mendidik masyarakat agar sentiasa mentaati perintah Allah S.W.T, memelihara seluruh anggota badan dari kemurkaan Allah S.W.T dan membentuk masyarakat yang ikhlas dan rasa takut kepada kemurkaan Allah S.W.T.

3. Kesan Kepada Negara

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang mengamalkan nilai murni dan akhlak mulia menurut ayat al-Quran dan hadis. Dalam Islam tiada halangan untuk bersosial namun perlulah berdasarkan landasan yang betul. Beberapa isu utama dalam kajian lepas membuktikan masalah salah laku interaksi sosial di media sosial semakin meningkat contohnya buli siber (Che Hasniza&Mohd Yusri, 2014) dan penipuan siber (Meredita Susanty&Erwin Setiawan, 2022). Generasi muda yang akan menjadi pemimpin di masa akan datang hendaklah menjaga imej negara dan menjadi seorang pemimpin dalam organisasi selari dengan tujuan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Selain itu, ada segelintir remaja yang memberi komen negatif kepada negara sendiri yang boleh mengakibatkan jatuhnya maruah negara di persada dunia. Oleh kerana media sosial hari ini terlalu memberi kebebasan dalam bersuara, anak muda semakin cenderung untuk

berkongsi pandangan mereka atas sesuatu perkara (Syed, 2022). Agama Islam mengajar kita untuk menghormati orang lain terutamanya pemimpin kita. Kesimpulannya, pembentukan akhlak dalam penggunaan media sosial amatlah dititik beratkan kerana dapat memberi kesan yang buruk jika tiada pantauan. Terdapat banyak kajian telah dikenalpasti bahawa faktor-faktor pembelajaran sosial yang sangat memberi kesan yang mendalam dalam pembentukan akhlak pelajar (Hasbullah, 2020). Oleh itu, berdasarkan kajian lepas, hubungan akidah dan akhlak adalah signifikan dan ia menyumbang impak terhadap individu Muslim dalam membahaskan pembentukan sifat mahmudah dan mazmumah dalam kehidupan.

Cadangan untuk Kajian Akan Datang

Oleh itu, untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam kertas sebelumnya dan baru. Idea untuk kajian masa depan, adalah disyorkan untuk membangunkan satu model khusus dalam pembentukan akhlak individu Muslim berpanduan akidah Islam yang sebenar yang berfokus kepada pembentukan sifat mahmudah dalam kehidupan sesuai dengan isu sosial yang wujud pada hari ini. Sesi temubual dengan kepakaran akidah perlu dilakukan untuk mengesahkan dan mendapatkan wajaran bagi setiap satu cabaran yang timbul. Kemudian, hasil daripada sesi temubual digunakan untuk membangunkan indeks pengurusan akidah dalam menangani masalah sosial di Malaysia yang masih terdapat jurang di dalam kajian yang dibentangkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Kajian Literatur Terdahulu Mengenai Cabaran Pembentukan Individu Muslim Di Malaysia

Pengkaji (tahun)	Objektif	Metodologi kajian	Dapatan kajian	Jurang kajian
Shamlatul & A'dawiyah, 2022	Menjelaskan peranan mereka dalam institusi kekeluargaan dalam menjaga akidah dan akhlak anak-anak	Fenomenologi dengan menemubual 7 informan kajian.	Peranan ibu perlu diperkasakan berkaitan dengan pengisian rohani untuk menjaga akidah dan akhlak anak-anak.	Kajian ini tidak memuatkan perbincangan berkaitan dengan cara untuk menangani impak negatif yang diperolehi.
(Rohana, 2016)	Meneliti konsep belia dan akhlak Islam dan cara mengatasinya dalam konteks negara Malaysia	Menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen.	Hubungan faktor psiko-sosial melibatkan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa, dan pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak	Kajian ini tidak menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan cara mengatasi permasalahan dalam konteks negara.

Islam dalam kalangan
belia universiti.

Wan 2022	Fatah,	mengenalpasti apakah punca-punca berlakunya permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia dan beberapa cadangan penyelesaian untuk mengurangkan isu ini	Pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual dengan beberapa pusat transit yang terpilih	Punca-punca utama yang menyebabkan remaja Muslim di Malaysia terjebak dengan isu ini seperti kurang didikan agama, keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan sebaya.	Dalam cadangan penyelesaian untuk mengurangkan isu keruntuhan akhlak ini, tidak dibincangkan peranan kerajaan dan peranan jabatan agama Islam.
Syed, 2022		Menjelaskan mengenai salah laku interaksi sosial di media sosial	Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan <i>Systematic Literature Review</i> (SLR)	Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa isu utama masalah salah laku interaksi sosial di media sosial yang telah dijadikan topik kajian seperti buli siber, penipuan siber, penyebaran berita palsu dan jenayah seksual.	Kajian ini membuktikan bahawa wujud masalah salah laku yang berpunca daripada kelemahan dalam nilai akhlak
Alnida 2018	et.al,	Membahas mengenai hubungan antara akidah dan akhlak dalam ajaran Islam.	Tiada	Akidah mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan akhlak.	Tidak dibincangkan berkaitan dengan metodologi kajian dalam kajian ini.
Hasbullah,2020		Membincangkan pembelajaran sosial menurut perspektif Islam dan faktor-faktor pembelajaran sosial yang mempengaruhi pembentukan	Metodologi kajian kepustakaan dengan menganalisis dan perbincangan dalam kandungan teks.	Kesan yang cukup signifikan antara pembelajaran sosial dan pembentukan akhlak pelajar.	Hanya faktor pembelajaran sosial sahaja yang dibincangkan dalam kajian ini. Faktor yang lain tidak dibincangkan.

	akhlak dan sahsiah pelajar.			
Nazneen, 2019	Mengenal pasti tahap pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia.	Kajian ini bersifat kuantitatif menggunakan pendekatan tinjauan keratan rentas dengan mengedarkan borang soal selidik	Kajian ini menjadi asas kepada keperluan pembinaan model khusus bagi pembangunan hidup beragama supaya pemeraksanaan dapat dilakukan dari masa ke masa dengan pemantauan daripada pihak universiti.	Model yang dipersembahkan dalam kajian ini memberi manfaat dan gambaran kepada kajian akan datang

Kesimpulan

Sesungguhnya, membina akhlak mahmudah dan akhlak mulia dalam generasi muda adalah tanggungjawab sesebuah negara. Usaha ini juga adalah tunggak kekuatan masyarakat dan negara. Oleh itu setiap individu wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak dalam masyarakat. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara, di dunia dan di akhirat. Pendidikan dan kefahaman akidah haruslah ditanam di dalam diri seseorang Muslim kerana tanpa bimbingan dan didikan yang sempurna seseorang Muslim itu hidup dalam kecelaruan dan kejahilan serta mudah terjebak dengan sifat-sifat mazmumah.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada Kajian Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk ‘Pembangunan Indikator Pemantapan Akidah Umat Islam Di Malaysia Menurut Manhaj Ahli Sunnah Wal Al Jamaah’ rujuk.no. FRGS/1/2021/SS10/UNISZA/01/1 yang dianugerahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Malaysia); dan terurus oleh Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Pengurusan Inkubasi, UniZA

Rujukan

- Abd Mutalib, M. G. F., & Anas, N. (2020). [The Rehalibition of Adolescent Morals Through a Tahfiz Approach In Malaysia: A Review] Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz Di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 134–140.
- Abdullah, S. S. (2022). Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-anak dalam Era Digital. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 195-207.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Azty, A., Fitriah, F., Sitorus, L. S., Sidik, M., Arizki, M., Siregar, Mohd. N. A., Suryani, I. (2018). Hubungan antara Aqidah dan Akhlak dalam Islam. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, 1(2), 122–126.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf, & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75–89.
- Ismail, N., Bakar, N. H., Abd. Majid, M., & Kasan, H. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78–93.
- Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., Saleh, N. S. S. N., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Husin, S. N. M. S., ... & Kahar, N. S. A. (2022). Issue Of Moral Degradation Among Muslim Adolescents In Malaysia: Issues, Challenges And Suggested Solutions: Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61.
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Mohd Khir, A., & Wan Jaafar, W. M. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106–118.
- Lestari, D. (2020). Pendidikan Keimanan Dalam Al-Qur'an Surah Al-Ikhlash. *Journal of Chemical Information and Modeling* (Vol. 43, p. 7728).
- Mira Shodiqoh, & Fashi Hatul Lisanyah. (2020). Manajemen Pendidikan Agama Dalam Keluarga. *Tadris : Jurnal Penelitian Dan Pemikiran Pendidikan Islam*, 14(2), 12–30.
- Mohamad, B., & Salleh, M. J. (2009). Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. *Seminar Pembangunan Modal Insan 2009*, 1–9.
- Mohamed Radzi Musa, Burhanuddin Jalal & Noor Azmi Mohd Zainol. 2021. Hubungan penghayatan nilai islam anggota Tentera Darat berdasarkan program Pendidikan Islam Fardu Ain di Lembah Klang. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 38-46.
- Mohamed, A., Othman, M. M., Abdul Wahab, M. H., Abd Wahid, N., & Syed Wahid, S. N. (2013). Kefahaman dan amalan dalam berakidah: Kajian terhadap pelajar diploma semester akhir, UiTM Pahang.
- Mohd Azemi Azman, S. N. A., & Yahya, S. (2019). Membangun Peradaban Islam Menurut Al-Qur'an: Penelitian Surah Al-Kahfi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 178–186.
- Noh, C. H. C., & Ibrahim, M. Y. (2014). Kajian Penerokaan Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar UMT. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 323–329.

Nurul Husna Mohd Pidrus, Nur Syaza Nadzirah Zainudin, Noor Athirah Mohd Amirul, Syazana

- Othmman, Akila Mamat & Mohd Hasrul Shuhari. 2022. [The Form of Learning The Faith of Sifat 20 in Nusantara and Its Importance to Harmony in Society] Bentuk Pembelajaran Akidah Sifat 20 di Nusantara Serta Kepentingannya Terhadap Keharmonian dalam Masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 130-142.
- Rahman, S. M. H. S. A., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A., & Azhar, M. H. M. (2022). Pengidentifikasian Kajian-Kajian Berkaitan Isu Penyalahgunaan Media Sosial Dalam Interaksi Sosial Berasaskan Systematic Literature Review. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 166-191.
- Sarinah, Y., Siti Zaleha, I., Siti Rashidah, A. R., Noraini, M., & Mohd Farid Ravi, A. (2019). Implikasi Kecelaruhan Akhlak terhadap Aqidah Islam dari Perspektif Nas Al-Qur'an. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 287–295.
- Siti Aisyah Kamarudin, & Latifah Abdul Majid. (2017). Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 2(2), 31–37.
- Suhid, A. (2007). Pengajaran Adab Dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8(9), 167–178.
- Suhid, A., & Pengajian Pendidikan, F. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi (Strengthening Moral Component In Islamic Education In Facing The Era Of Globalization). *Jurnal Kemanusiaan*, 3(2).
- Susanty, M., & Setiawan, E. (2022). Sosialisasi Menghindari Penipuan Digital. *Jurnal AKAL : Abdimas Dan Kearifan Lokal*, 3(1), 41–49.
- Tan, R., & Abiddin, N. Z. (2016). Tinjauan Permasalahan Akhlak Belia di Institusi Pengajian Tinggi. *MIMBAR PENDIDIKAN*, 1(2), 161.
- Tan, Rohana, Norhasni Zainal Abiddin & Andi Suwirta. (2016). “Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia” in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.1(1), February, pp.55-66. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2443-1776
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415–424.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, & Nurulrabihah Mat Noh. (2015). Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *Jurnal Al-Hikmah*, 7(2), 72–87.